

# Pendidikan keusahawanan

» PSPTN berjaya lahirkan lebih ramai graduan 'pencipta pekerjaan'

Oleh Rosniza Mohd Taha

► Kuala Lumpur

Kadar pelajar yang mendapat pendedahan mengenai keusahawanan meningkat daripada 17 peratus pada tahun 2011 kepada 35 peratus pada 2013 berikutan pelancaran

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang menekankan kepentingan memperkasa pendidikan keusahawanan.

Timbalan Menteri Pendidikan II, Senator Chong Sin Woon, berkata langkah mengintegrasikan pendidikan keusahawanan dalam program pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) membolehkan lebih ramai graduan 'pencipta pekerjaan' dihasilkan menerusi bidang perniagaan diterokai.

Katanya, langkah itu juga menge-

lakkan pelajar mengalami dilema dalam membuat keputusan sama ada meneruskan minat dalam bidang keusahawanan atau melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

"Pendidikan dan keusahawanan bukanlah perkara yang tidak boleh digabungkan. Walaupun individu seperti Bill Gates dan Mark Zuckerberg antara tokoh yang berjaya dalam bidang perniagaan tanpa kelayakan akademik yang tinggi, ramai juga graduan yang berjaya dalam perniagaan berasaskan latar belakang akademik dimiliki.

## Miliki aset

"Contohnya, graduan Sarjana Muda Ekonomi dari Yale University, Fred Smith, kini memiliki aset mencecah bilion ringgit menerusi syarikat FedEx yang ditubuhkan, sementara graduan Sarjana Kejuruteraan Elektrikal dari Universiti Stanford, Amerika Syarikat juga meraih status sama dengan mengasaskan syarikat Yahoo," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Pengalaman Keusahawanan

Pelajar (SEE) di kampus Universiti UCSI (UCSI) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi dan Pengasas UCSI Group, Datuk Peter Ng serta Naib Canselor dan Presiden UCSI, Prof Datuk Dr Khalid Yusoff.

Sementara itu, Khalid berkata, pengalaman praktikal, hubungan erat dengan industri dan kerjasama dengan IPT terkemuka seperti Universiti Harvard dan Universiti Melbourne ialah antara inisiatif UCSI yang memberi kelebihan kepada pelajarannya dalam meneroka bidang keusahawanan.

"UCSI mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi dan antara faktor kelebihan itu dimiliki ialah kerana kami mempunyai lebih 2,500 rakan kongsi korporat yang menerima pelajar kami sebagai pekerja dan menawarkan peluang penempatan praktikal," katanya.

## Sembilan usahawan

Mengenai SEE, beliau berkata, seramai sembilan usahawan dijemput menjayakan persidangan itu untuk berkongsi rahsia kejayaan mereka membangunkan empayar perniagaan dalam bidang masing-masing dengan lebih 100 pelajar IPT.

Katanya, antara tokoh terbabit ialah Pengarah Urusan iTalent Management, Victor Phang; Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Asian Healthcare Group Berhad, Datuk Bryan Tay; Ketua Pegawai Eksekutif Avante Sdn Bhd, Faizal Ahamed dan Pengasas Exabytes Group, Chan Kee Siak.

Antara ciri usahawan yang dikongsi oleh Peter ketika menyampaikan ucapan dalam persidangan itu ialah ketahanan dan kesediaan menghadapi risiko serta cabaran perniagaan, kepentingan mengambil pengajaran daripada pengalaman ditipu atau kegagalan dalam usaha membangunkan perniagaan dan melengkapkan diri dengan ilmu keusahawanan secara berterusan termasuk menerusi pembacaan serta menghadiri seminar berkaitan.



Sin Woon (tujuh dari kiri) **bersama-sama** pengurusan UCSI dan tokoh korporat yang menjayakan persidangan SEE.

[ FOTO OWEE AH CHUN/ BH ]



“Langkah mengintegrasikan pendidikan keusahawanan dalam program pengajian di institusi pengajian tinggi itu **membolehkan lebih ramai graduan ‘pencipta pekerjaan’ dihasilkan menerusi bidang perniagaan diterokai**”

**Chong Sin Woon,**  
Timbalan Menteri Pendidikan II